

**PENERAPAN FIQH AL-DA'WAH DALAM MASYARAKAT MULTI  
ETNIK DI MALAYSIA**  
***THE INCULCATION OF FIQH AL-DA'WAH IN MALAYSIA'S  
MULTI-ETHNIC SOCIETY***

**Abdul Ghafar Bin Don<sup>1</sup> Ahmad Effat Mokhtar<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Profesor Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Prof. Madya, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQSAAS)

**Abstrak**

Sebagai sebuah negara yang dilatari oleh oleh masyarakat majmuk dengan pelbagai etnik, Malaysia menjadi hub dakwah yang penting di rantau Asia Tenggara berdasarkan faktor sejarah, kepimpinan, pengurusan hal ehwal Islam yang berstruktur dan eko sistem politik yang masih dikira aman. Kemajmukan ini memerlukan pendekatan dakwah yang relevan, sesuai dan harmoni. Artikel ini cuba mengupas konsep fiqh dakwah dan bagaimana ia boleh berperanan dalam konteks dakwah terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam hal ini, fiqh dakwah yang fleksibel dan inklusif dapat memupuk keharmonian serta mengurangkan konflik antara etnik, kepercayaan dan agama yang berbeza. Metode yang digunakan dalam menghasilkan penulisan ini ialah berdasarkan analisis dokumen dengan merujuk jurnal, buku dan lain-lain dokumen berkaitan subjek kajian. Melalui analisis literatur dan pengalaman di lapangan mendapati perlunya pendekatan yang inklusif dan akomodatif berdasarkan penguasaan terhadap fiqh dakwah terhadap aspek budaya dan identiti etnik dalam usaha menyebarkan dakwah yang berkesan di Malaysia. Analisis literatur mendapati fiqh dakwah memainkan peranan penting dalam memastikan Islam dapat diterima secara harmoni dalam masyarakat majmuk Malaysia yang beragama kepercayaan, adat dan budaya etnik yang pelbagai. Adalah penting para pendakwah menguasai fiqh dakwah dalam memastikan mesej dakwah diterima baik *mad'u* seterusnya mengelakkan fitnah terhadap agama.

**Kata Kunci:** *Fiqh dakwah, multi-etnik, mad'u, fiqh awlawiyyat, fiqh al-waqi'*

**Abstract**

*As a country shaped by a plural society comprising diverse ethnic groups, Malaysia has emerged as an important hub of Islamic da'wah in Southeast Asia, owing to historical factors, leadership, structured Islamic governance, and a political eco system that remains relatively stable. This pluralism necessitates da'wah approaches that are relevant, appropriate, and harmonious. This article seeks to examine the concept of fiqh al-da'wah and its role in the context of da'wah among Malaysia's plural society. In this regard, a flexible and inclusive*

*Perkembangan Artikel*

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

\*Corresponding Author: Mohamad Rahijan Abdul Wahab, Faculty of Fisheries and Food Science, Universiti Malaysia Terengganu.

Email: [rahijan@umt.edu.my](mailto:rahijan@umt.edu.my)

*understanding of fiqh al-da'wah has the potential to foster social harmony and reduce conflict among different ethnic groups, beliefs, and religious traditions. The method used in writing this article is based on document analysis, with reference to journals, books, and other documents related to the subject of the study. Through an analysis of the literature and field-based experience, the study identifies the need for inclusive and accommodative approaches grounded in a sound mastery of fiqh al-da'wah, particularly in relation to cultural and ethnic identities, in order to ensure effective da'wah practices in Malaysia. The literature analysis indicates that fiqh al-da'wah plays a vital role in facilitating the harmonious acceptance of Islam within Malaysia's plural society, characterised by diverse beliefs, customs, and ethnic cultures. It is therefore imperative for da'wah practitioners to possess a strong understanding of fiqh al-da'wah to ensure that da'wah messages are well received by their audiences and to prevent misunderstandings and negative perceptions of the religion.*

**Keywords:** *Fiqh dakwah, multi-etnik, mad'u, fiqh awlawiyyat, fiqh al-waqi'*

## PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum, etnik, agama dan budaya yang kompleks. Komposisi masyarakatnya yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India sebagai tiga kaum utama, serta pelbagai kumpulan etnik lain menuntut kepada suatu pendekatan dakwah yang bestari, berstrategi dan selari dengan realiti kepelbagaian tersebut. Bagi tujuan merealisasikan misi dakwah kepada masyarakat multi-etnik ini, fiqh dakwah berperanan sebagai panduan penting bagi memastikan usaha menyampaikan mesej Islam dapat dilaksanakan dengan penuh hikmah dan berkesan, tanpa menimbulkan ketegangan antara kaum, agama dan kepercayaan serta menghormati prinsip keharmonian masyarakat majmuk. Fiqh dakwah bukan sekadar memahami aspek berkaitan agama Islam dalam berdakwah, tetapi ia turut melibatkan sejauh mana kepintaran pendakwah menyesuaikan pendekatan dengan latar belakang sosiobudaya sesebuah masyarakat. Hal ini sejajar dengan tuntutan syariat agar dakwah dilakukan secara berhikmah, nasihat yang baik, dan dialog yang berhemah. Oleh itu, fiqh dakwah menjadi satu asas penting yang perlu dikuasai pendakwah bagi memastikan dakwah Islam bukan sahaja diterima sebagai suatu inisiatif keagamaan, tetapi juga sebagai medium memperkukuh perpaduan, membina persefahaman, serta memelihara keharmonian masyarakat berbilang kaum dan etnik di negara ini.

## KAJIAN LEPAS

Fiqh secara etimologi adalah istilah bahasa Arab yang bermaksud pemahaman mendalam atau pemahaman yang benar tentang sesuatu perkara, khususnya berkait hukum-hukum agama. Imam Abu Hanifah (1983) mendefinisikan fiqh sebagai “pengetahuan tentang hak dan kewajiban seseorang” (*ma'rifatu an-nafsi ma laha wa ma 'alaiha*), yang menunjukkan fokus fiqh pada aspek hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia. Imam Syafi'i (1969), dalam kitab *Ar-Risalah* menyatakan fiqh sebagai ilmu yang mempelajari hukum-hukum syar'i yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci (*al-ahkam asy-syar'iyah al-amaliyyah bi adillatiha at-tafshiliyyah*) yang menekankan metodologi dalam menggali hukum dari sumber-sumbernya. Imam Syafi'i juga menekankan pentingnya kesinambungan antara teks dan konteks, di mana seorang mujtahid dituntut untuk memahami maksud

Allah SWT dalam wahyu secara mendalam, menghindari pendekatan literal yang menyumbang kepada kekeliruan dalam penetapan hukum. Metodologi ini memberikan landasan intelektual untuk melakukan ijtihad yang valid, sehingga hukum yang dihasilkan relevan dan dapat diaplikasikan sesuai kondisi zaman dan tempat. Pendekatan Imam Syafie ini menjadi tonggak awal pengembangan disiplin ilmu usul *al-fiqh*, yang kemudiannya memberikan pengaruh besar dalam kerangka hukum Islam secara menyeluruh. Malah ia juga relevan dalam konteks aplikasi dakwah.

Berdasarkan pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam Syafie dapatlah dirumuskan bahawa fiqh adalah kemampuan memahami sesuatu berdasarkan situasi serta keupayaan menterjemahkan teks dalam konteks yang sesuai. Oleh itu, Fiqah dakwah dapatlah didefinisikan sebagai kemampuan atau keupayaan pendakwah menterjemahkan teks dakwah dalam konteks yang sesuai dengan *mad'u* atau masyarakat tanpa mengabaikan prinsip agama dan moral.

Asas kepada kepada konsep fiqh dakwah ini telah pun di isyarat Allah SWT dalam al-Qur'an melalui ayat 122, Surah al-Tawbah. Firman Allah:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang di tuntutan di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)”.

Imam al-Maraghi (1946) Ketika mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa ayat ini datang untuk menyempurnakan hukum berjihad dengan menerangkan hukum menuntut ilmu dan mendalami agama dari aspek bahawa ianya adalah wasilah bagi jihad dengan hujah dan keterangan (*min qibali annahu wasilah li al jihad bi al hujah wa al Burhan*) dan merupakan tiang/asas yang kukuh dalam dakwah kepada iman dan menegakkan asas-asas Islam

Ayat tersebut merupakan isyarat tentang kewajipan sebahagian umat Islam mendalami ilmu bagi mempertahankan agama melalui kerja-kerja dakwah. Konsep *tafaqquh fi al-Din* dalam ayat ini boleh juga difahami sebagai inisiatif yang perlu dilakukan seseorang dalam meningkatkan kualiti diri dengan mendalami ilmu. Ia menjadi lebih penting kepada sesiapa sahaja yang bergelar *da'i*.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian konseptual dan analisis kandungan (*content analysis*). Pendekatan ini dipilih kerana kajian berkaitan fiqh dakwah melibatkan huraian konsep, prinsip hukum, pendekatan dakwah serta kefahaman terhadap realiti sosial masyarakat multi etnik di Malaysia.

### Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai metode pengumpulan data. Data diperoleh daripada sumber Kitab-kitab fiqh dan usul fiqh klasik dan kontemporari, buku, artikel jurnal, tesis dan disertasi berkaitan subjek kajian.

## **Kaedah Analisis Data**

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan beberapa kaedah berikut: a) Analisis kandungan yang bertujuan mengenal pasti konsep, prinsip, dan pendekatan fiqh dakwah yang relevan dalam masyarakat multi etnik, b) Analisis tematik di mana dianalisis dan dikategorikan mengikut tema seperti prinsip toleransi dan hikmah dalam dakwah, kaedah fiqh dakwah terhadap non-Muslim, isu sensitiviti agama dan budaya bawah dalam konteks keharmonian sosial

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Malaysia dicirikan sebagai sebuah masyarakat majmuk dan pluralistik yang merangkumi pelbagai kaum, kepercayaan, agama, bahasa, dan budaya. Jumlah penduduk menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2023) adalah 34,058.8 juta orang. Statistik terperinci adalah seperti berikut: Bumiputera-Melayu 17,808.4, Bumiputera-Lain 3,760.4, Cina 6,857.6, India 2,005.5, Warganegara Lain 230.7 dan Bukan Warganegara 3,396.1. Dari segi peratusan penduduk Malaysia mengikut agama ialah, Islam 61.3%, Buddhisme 19.8%, Christianity 9.2%, Hinduisme 6.3% dan agama tradisi Orang Cina 3.4%

Meskipun berlatarbelakangkan agama, kepercayaan, adat, tradisi dan bahasa yang berbeza, masyarakat negara masih lagi dikira hidup dalam keadaan harmoni meskipun kebelakangan isu berkaitan 'Kaum, Agama dan Institusi Diraja' atau 3R agak hangat dan menjadi polemic dalam kalangan masyarakat. Keharmonian sosial oleh ini telah menyediakan satu ekosistem yang kondusif untuk perkembangan dakwah.

Dalam konteks aplikasi dakwah multi-etnik, beberapa istilah yang mempunyai kaitan dengan gagasan fiqh dakwah antaranya *Fiqh al-waqi*, *fiqh al-awlawiyyat*, *fiqh al-muwazanat*, *fiqh al-aqalliyat* dan *fiqh al-ta'ayush* boleh menjadi pertimbangan sebagai sebahagian pendekatan dakwah yang wajar dilaksanakan.

*Fiqh al-waqi'* merujuk kepada kefahaman pendakwah tentang realiti masyarakat yang didakwahkan. Berkaitan Fiqh al-Waqi' ini, Wahbah Az-Zuhaili (1984) misalnya berpandangan bahawa Fiqh Waqi' adalah kemampuan untuk memahami situasi nyata yang dihadapi masyarakat, sehingga hukum Islam dapat diterapkan dengan mempertimbangkan dinamik dan keperluan masyarakat semasa. Pemahaman ini penting untuk memelihara relevan hukum Islam dalam menjawab permasalahan moden tanpa meninggalkan prinsip-prinsip syarak yang tetap. Manakala Yusuf Al-Qaradawi (1997) menjelaskan bahawa ia meliputi pemahaman terhadap perubahan zaman dan tempat, sehingga hukum yang dikeluarkan bersifat aplikasi dan memberikan kemaslahatan kepada ummah. Dalam pelaksanaan dakwah, kefahaman tentang realiti sesebuah masyarakat dan isu-isu berkaitan dengan konteks masyarakat tersebut adalah penting difahami pendakwah.

*Fiqh al-awlawiyyat* pula merujuk kepada keupayaan pendakwah mengutamakan apakah keperluan yang lebih utama yang perlu didahulukan dalam dakwah. Dalam hal ini, Zulkifli (2017) menjelaskan *Fiqh awlawiyyat* yang dimaksudkan adalah ilmu dan pemahaman dalam meletakkan sesuatu pada peringkat dan tangga yang sebenar, sesuai dengan pertimbangan ilmu, keadilan, hukum hakam, akhlak, keadaan semasa dan keadaan setempat. Segala-galanya mesti diletakkan secara adil menurut syariat Islam tanpa pengabaian atau kerugian pada sebarang bahagian. Sementara itu, *Fiqh al-muwazanat* pula ialah kebolehan pendakwah membuat pertimbangan di antara perkara-perkara yang

boleh membawa kepada masalah atau mafsadah. *Fiqh al-aqalliyat* menjelaskan tentang kefahaman pendakwah dalam konteks hubungan majoriti-minoriti dalam konteks masyarakat multi-etnik. Manakala *Fiqh al-Ta'ayush* pula ialah kebolehan pendakwah untuk berinteraksi, bertasamuh, memahami dan menyantuni masyarakat Non-Muslim dengan baik. Amalan *fiqh al-ta'ayush* dalam konteks Malaysia menurut Zulkefli (2018) sepatutnya menjadi medan kepada orang Islam mempamerkan keindahan agama Islam dan menerangkan ajaran Islam dalam erti kata yang sebenar kepada orang bukan Islam. Ini kerana mereka bukanlah kelompok “harbi” yang boleh diperangi lantaran berlainan agama. Mereka adalah *ummah al-da'wah* yang perlu didekati bagi melebar dan menterjemahkan maksud *Rahmah li al-'alamin*.

Terdapat beberapa perkara asas perlu difahami berkaitan fiqh dakwah dalam konteks aplikasi dakwah masyarakat multi-etnik di Malaysia:

1. Penguasaan pendakwah terhadap ilmu-ilmu Islam dan juga ilmu dakwah secara khusus. Sebagai orang yang akan berhadapan dengan *mad'u* yang pelbagai latar belakang dan kefahaman, penguasaan pendakwah terhadap ilmu agama, ilmu dakwah dan ilmu lain yang berkaitan yang dapat menyokong gerakan dakwah adalah sangat penting. Pendakwah perlu memupuk budaya cintakan ilmu dengan berterusan membaca dan meningkatkan ilmu melalui pelbagai medium dan platform. Keilmuan yang dimiliki pendakwah akan memberikan keyakinan dan keupayaan yang lebih dalam menyebarkan agama dan mempertahankannya.
2. Penguasaan pendakwah terhadap konteks dakwah. Konteks dakwah merujuk kepada pendakwah memahami siapa *mad'u*, bagaimana mendekati (*approach*) dan melaksanakan kaedah berdakwah yang sesuai terhadap *mad'u* dan memahami konteks masa yang sesuai untuk menyampaikan dakwah. Azyumardi Azra (2015) menegaskan bahawa dakwah yang efektif harus mampu menjembatani ajaran teks dengan realiti hidup yang dihadapi masyarakat moden. Dakwah yang hanya berfokus pada teks tanpa mempertimbangkan realiti sosial akan mencetuskan ketegangan, bahkan konflik (Hayatuddin, 2025). Asas tentang memahami dan mengetahui realiti dakwah dan *mad'u* sebenarnya telah dijelaskan baginda Rasulullah dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Bertuturlah dengan manusia berdasarkan keupayaan atau tahap pemikiran mereka". Penguasaan pendakwah tentang hal-ehwal *mad'u* akan melancarkan keberkesanan dakwah. Dengan kepelbagaian atau keragaman jenis sasaran dakwah dengan pelbagai latar belakang masyarakat Malaysia, pendakwah perlu bijak membaca situasi dan latar belakang masyarakat yang didakwahkan (Abdul Ghafar & Anuar 2010). Justeru, kajian-kajian tentang kebudayaan, bahasa, kepercayaan dan adat pelbagai bangsa dan etnik di Malaysia seperti kaum Cina, India, Orang Asli, Kadazan, Iban dan lain-lain perlu dilakukan dalam konteks dakwah Malaysia.
3. *Fiqh wasatiyyah* adalah relevan dan perlu menjadi sandaran dalam konteks dakwah di negara ini. Ia perlu menjadi terma rujukan kepada pendakwah agar Islam diterima sebagai agama Sejahtera dan harmoni. *Fiqh wasatiyyah* boleh mengelakkan pendakwah daripada sifat ekstrem dalam pendekatan yang diambil. Sama ada ekstrim dengan mengambil pendekatan ketat, keras dan berlebih-lebihan (*ifrat*) atau ekstrim dalam bentuk melonggarkan agama, liberal sehingga hilang prinsip kebenaran agama (*tafrit*) yang boleh merosakkan agama. Penguasaan dan penghayatan pendakwah terhadap *fiqh wasatiyyah* boleh menjadi mekanisme pengimbang antara dua pendekatan dakwah yang melampau sehingga merosakkan prinsip kebenaran Islam dan merugikan dakwah Islamiah.

4. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia yang semakin moden dan rencam, fiqh dakwah juga merujuk pendakwah yang *tech-savy*. Pendakwah *tech-savy* ialah mereka yang berkebolehan menggabungkan ilmu agama dengan kepakaran teknologi supaya mesej dakwah dapat disampaikan dengan lebih cekap, cepat, menarik dan sampai kepada lebih ramai orang. Mereka yang *tech-savy* ini boleh memanfaatkan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, *YouTube*, laman web, podcast, webinar atau aplikasi mesej untuk menyampaikan mesej Islam. Kebestarian dalam mengolah mesej dakwah secara inovatif dan kreatif dalam bentuk video pendek, infografik, animasi, live streaming atau e-book menjadikan mesej yang disampaikan lebih menarik, segar dan berupaya menarik *audience* untuk lebih mengetahui apa yang cuba di sampaikan pendakwah.
5. Fiqah dakwah dalam realiti multi-etnik Malaysia juga menuntut pendakwah mengelakkan isu-isu dan perkara sensitif yang boleh menjauhkan *mad'u* daripada Islam. Sebagai contoh ialah isu berkaitan agama dan perkauman yang sentiasa menjadi polemik dalam kalangan masyarakat di negara ini kerana pelbagai faktor. Oleh pendakwah, dalam menyampaikan dakwah sama ada melalui lisan mahupun tulisan perlu mengelakkan isu-isu seperti ini boleh menimbulkan keresahan dan ketegangan antara agama dan kaum. Al-Qur'an telah menyediakan garis panduan yang jelas kepada pendakwah berkaitan hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ  
إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan”.*

6. Fiqah dakwah juga menuntut kefahaman pendakwah tentang tanggungjawab meratakan Rahmat Islam kepada semua sektor dan segmen masyarakat termasuklah kaum minoriti seperti komuniti Asli. Pendakwah seharusnya tidak menganggap dakwah kepada etnik minoriti ini sebagai satu pendekatan yang kurang strategik berbanding dakwah kepada etnik yang dilihat lebih maju. Dakwah Islamiah seharusnya mengambil pendekatan inklusif dengan menyedari bahawa nikmat Islam perlu dirasai oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik dan status dalam masyarakat. Sirah dakwah Rasulullah SAW telah menjadi bukti tentang sifat inklusif dakwah tanpa mengira Batasan etnik. Bilal bin Rabbah (habshi), Suhaib al-Rumi (Rome) dan Salman al-Farisi adalah saksi kepada inklusiviti dakwah Islamiah. Sifat inklusif inilah menyebabkan Islam menjadi satu agama yang berkembang keseluruh pelosok dunia. Kini Islam dianggap sebagai *‘the fastest growing religion in the world’*.

7. Termasuk dalam konteks fiqah dakwah ialah wujudnya integrasi ilmu, amal dan akhlak dalam diri pendakwah. Pendakwah perlu menjadi model kepada kehidupan Islam yang sebenar agar ianya boleh dinilai sebagai contoh yang ideal kepada masyarakat Non-Muslim pelbagai etnik di negara ini. Contoh-contoh yang ada adalah bercampur-campur antara pendakwah yang mempunyai keperibadian Muslim yang baik dan peribadi yang bertentangan dengan prinsip kebenaran yang dibawa. Bagi peribadi Muslim yang baik, ia sudah tentu menyumbang kepada potensi dakwah. Manakala peribadi Muslim yang tidak baik akan menyumbang kepada persepsi negatif Non-Muslim terhadap Islam dan dakwah. Meskipun yang terlibat dengan perkara-perkara negatif dan buruk hanyalah segelintir, namun demikian, ia telah memberikan impak yang tidak baik kepada dakwah. Kuasa viral dalam dasawarsa moden kini memburukkan lagi keadaan.
8. Mengambil pendekatan harmoni dalam dakwah. Berkaitan dengan hal ini, adalah penting pendakwah mengelakkan pendekatan konfrontasi yang boleh mencetuskan ketegangan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Contoh terbaik kepada pendekatan harmoni atau muwajahah silmiyyah adalah dakwah Wali Songo kepada masyarakat di Indonesia. Walisongo melakukan proses Islamisasi dengan cara damai, mengelak kekerasan dan tanpa paksaan sehingga Islam dapat diterima baik oleh masyarakat di Pulau Jawa. Contoh kepada Fiqah dakwah wali Songo dalam dakwah ialah melalui pendekatan seni hiburan, iaitu wayang kulit sebagai medium yang sesuai dengan minat dan kecenderungan masyarakat Jawa yang kuat dipengaruhi agama Hindu dan Buddha. Dakwah Wali malah tidak dianggap sebagai ancaman oleh masyarakat di Pulau Jawa.

## **KESIMPULAN**

Fiqah dakwah dalam masyarakat multi etnik di Malaysia menuntut kepada kefahaman mendalam terhadap prinsip syariah, realiti sosial serta kepelbagaian budaya. Pendekatan dakwah perlu bersifat dinamik, progresif, kreatif, terbuka dengan bersandar kepada hikmah, toleransi dan kebestarian dalam menyampaikan mesej Islam. Keberkesanan dakwah bergantung kepada kemampuan pendakwah menyesuaikan strategi dengan latar masyarakat majmuk yang multi-etnik, mengutamakan nilai kasih sayang, serta menonjolkan Islam sebagai agama Sejahtera dan damai untuk seluruh manusia. Penguasaan pendakwah terhadap fiqah dakwah bukan sahaja berperanan dalam mengajak kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran, malah turut menyumbang kepada pengukuhan perpaduan, keharmonian dan saling menghormati antara etnik. Justeru, fiqah dakwah perlu digarap secara kreatif oleh pendakwah agar ianya kekal relevan dengan cabaran perkembangan zaman serta mampu menjadi landasan dalam menangani cabaran arus globalisasi, pluraliti, serta isu-isu kontemporari yang melibatkan hubungan antara agama, kepercayaan dan bangsa di Malaysia.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penyediaan dan pelaksanaan kajian ini. Segala pandangan, analisis, bersifat akademik dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, institusi atau kepentingan peribadi.

## PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas komitmen yang diberikan.

## SUMBANGANPENULIS

Abdul Ghafar Don (Metodologi, Pengumpulan Data & Penulisan-draf asal), Ahmad Effat Mokhtar (Metodologi, Semakan Analisis Data, Penyuntingan).

## PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh. (2010). Pengurusan Dakwah: Analisis Pendekatan KeMalaysiaan. *Jurnal Al-Hikmah*, 2:97-105.

Ahmad Mustafa al-Maraghi. (1946). *Tafsir al-Maraghi*, Juz.11. Misr, Maktabah wa Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Abu Hanifah. (1983). *Al-Fiqh Al-Akbar*. Beirut. Dar Al-Maktab.

Azyumardi Azra. (2015). *Islam Substantif: Agar Umat Tidak Salah Memahami dan Mempraktikkan Agamanya*. Bandung, Mizan.

Hayatuddin, Agus Idwar Jumhadi, Khaerudin, Novel Bamukmin, Rahmat Hidayat & Imam Saparudin. (2025). Fiqh Tanzil, Fiqh Waqi', Dan fiqh Ma'alat: Kajian Fiqh pada Strategi Dakwah dalam Ayat-Ayat Jihad. *MODERATION: Journal of Islamic Studies Review*, 5(1): 121-140.

Muhammad bin Idris al-Syafie. (1969). *Al-Risalah*. Al-Qahirah, Al-Maktabah Al-Azhariyah.

Mohamad zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh & Abdul Ghafar Don. (2017). Penerapan Fiqh Awlawiyyat Dalam Dakwah kepada saudara Baru. *Jurnal al-Hikmah*, 9(2): 130-141.

Stott, J. (1994). *Isu-Isu Global*. Jakarta, Yayasan Komunikasi Bina Kasih/OMF.

Thoeldahono, N. (2003). *Gereja Lembaga Pelayanan Kristen dan Diakonia Transformatif*. Jakarta, BPK Gunung Mulia.

Wahbah Al-Zuhaili. (1984). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh*, Jilid . Dimasyq, Dar Al-Fikr.

Widiatmadja, Y. P. (2009). *Diakonia Sebagai Misi Gereja*. Yogyakarta, Kanisius.

Yusuf Al-Qaradawi. (1997). *Fiqh al-Waqi'*. Al-Qahirah, Dar Al-Shuruq.

Zulkefli Aini & Wan Nurul Anis Wan Ismail. (2018). Amalan Konsep Fiqh Al-ta'ayusy sebagai wahana dakwah dalam masyarakat majmuk. Dalam Zulkefli Aini, Mohamad zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail (eds.). *Rahmah Li al-'Alamin Dakwah dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Bangi, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, UKM.